



Headline: Berhenti jadi keldai kepada penjenayah
Publication/Portal: Kosmo
Date: 6 December 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 11

Berhenti jadi keldai kepada penjenayah

KELDAI atau himar adalah binatang yang sering menjadi gambaran kebodohan kerana tidak tahu membezakan pujian, kebahagiaan dan kesedihan di dalamnya. Malah, orang Arab sendiri meletakkan binatang tersebut adalah paling rendah martabatnya di mata mereka.

Ini berikutan keldai tidak melawan cakap tuannya meskipun dibebani pelbagai barangan di atasnya walaupun mengetahui perkara itu dianggap menzaliminya. Keldai juga adalah binatang yang selalu menyengih menampakkkan giginya dalam situasi apa pun.

Justeru, keldai ini sering digunakan dalam aspek jenayah iaitu menjadi perantara kepada sesuatu sindiket termasuk penipuan komersial. Mengikut statistik dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman pada Oktober lalu mendapati seramai 39,743 keldai akaun diburu kerana membenarkan akaun bank mereka digunakan pihak tertentu bagi tujuan penipuan.

Pengarahnya, Datuk Seri Amar Singh Ishar Singh dipetik berkata, jumlah akaun itu diperoleh menerusi siasatan yang dijalankan sejak 2015 dan membabitkan penipuan wang lebih RM800 juta. Jelas beliau, daripada jumlah itu, sebanyak 4,729 akaun terbabit dalam penipuan kerana menawarkan pinjaman tidak wujud, Macau Scam dan African Scam.

Maka, tidak hairan keldai akaun ini sering menggunakan alasan kad pengeluaran wang automatik (ATM) dan buku simpanan bank hilang sewaktu ditangkap polis.

Namun, Ketua JSJK Selangor, Asisten Komisioner Harjinder Kaur Gurdial Singh menegaskan alasan tersebut dianggap lapuk susulan pemeriksaan dilakukan mendapati keldai akaun ini tidak pernah melaporkan kehilangannya kepada pihak bank atau polis.

Katanya, ini menunjukkan mereka mengetahui akaun-akaun bank itu digunakan oleh sindiket tersebut.

"Keldai akaun menganggap tiada apa yang perlu dirisaukan kerana wang yang keluar masuk dalam bank bukan miliknya. Bagaimanapun, sangkaan keldai akaun itu adalah silap kerana setiap transaksi wang haram yang berlaku dalam akaun bank tersebut akan mensabitkan mangsa dengan jenayah kerana akaun bank tersebut atas nama mereka," katanya.

Harjinder memberitahu, berdasarkan siasatan dilakukan menerusi tangkapan di sekitar Selangor khususnya mendapati akaun bank bagi seorang keldai akaun telah digunakan sehingga 23 kali bagi penerimaan dan transit wang haram daripada hasil jenayah.



Di Sebalik
Isu Panas

Bersama MOHD.
YUNUS YAKKUB

“Masyarakat seharusnya lebih bijak dalam mengawal selia maklumat peribadi mereka dengan tidak sewenang-wenang memberikannya kepada orang lain

Sehubungan itu, beliau menjelaskan bahawa polis tidak mempunyai pilihan selain menangkap dan mendakwa keldai akaun ini.

"Di Selangor, keldai akaun dibayar sehingga RM2,500 bagi satu pembukaan akaun bersama kad ATM yang diserahkan kepada sindiket.

"Keldai akaun itu terdiri daripada kalangan golongan pelajar institusi pengajian tinggi, pesara, penagih dadah dan warga emas," ujar beliau.

Harjinder tidak menolak komisen yang tinggi sebanyak RM2,500 menjadi pendorong seseorang menjadi keldai akaun berbanding RM50 yang ditawarkan sindiket pada masa lalu.

Bagi pakar kriminologi bebas, Datuk Shahul Hamid Abd. Rahim, pemasalahan itu terus berlaku disebabkan sikap leka masyarakat terhadap jenayah berkenaan.

"Masyarakat seharusnya lebih bijak dalam mengawal selia maklumat peribadi mereka dengan tidak sewenang-wenang memberikannya kepada orang lain.

"Mereka juga perlu memahami dan mematuhi undang-undang serta etika yang berkaitan dengan penggunaan teknologi internet yang menjadi sumber utama kepada penipuan jenayah seperti Macau Scam," katanya.

Jelas beliau lagi, penggubalan akta baharu perlu dilakukan bagi memastikan keldai akaun ini gerun terhadap hukuman yang dikenakan kepada mereka.

Ini berikutan keldai akaun hanya berdepan hukuman penjara lima tahun sekiranya didapati bersalah mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan dan Seksyen 414 kanun yang sama.

"Pihak berkuasa seharusnya mempergiatkan kempen termasuk dalam media cetak atau elektronik berhubung keldai akaun ini sebagai satu jenayah yang serius seperti kesalahan rasuah," katanya.